

KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

Kebersamaan dalam Pemerkasaan
Peranan Unit Kualiti

MeQKU 2025

Pengurusan Kualiti

*Taklimat Pelaksanaan Audit
Dalam PTj bersama Ketua
Sistem Audit (KSA)*

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

*Kursus Pakar Rujuk Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2025*



WEBINAR
ANUGERAH KUALITI
NAIB CANSOLOR (AKNC)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

ENTERPRISE OF HIGHER EDUCATION QUALITY ASSURANCE (EQUA)

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003



Sesi Perbincangan Strategik AQA, InQKA: Pemacu Penambahbaikan Proses Akreditasi dan Kualiti Akademik UiTM

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Dalam usaha berterusan untuk memperkukuh sistem jaminan kualiti akademik dan kelancaran proses akreditasi di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA), InQKA telah mengadakan beberapa siri perbincangan strategik bersama pelbagai Fakulti, Bahagian dan Cawangan antara bulan Mei hingga Julai 2025.

Inisiatif ini bertujuan untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci berkenaan proses kerja berkaitan akreditasi program, di samping mencari solusi terbaik bagi menangani isu dan cabaran yang timbul. Selain itu, sesi ini juga menjadi platform untuk berkongsi idea dan pandangan dalam usaha menambah baik pelaksanaan proses kerja secara berterusan.

Perbincangan ini melibatkan pihak bahagian/ fakulti/ kampus bersama Pengurusan Kanan InQKA iaitu Prof. Dr. Haslinda Yusoff (Penolong Naib Canselor InQKA), Prof. Madya Dr. Kamarularifin Abd Jalil (Pengarah Jaminan Kualiti Akademik), Prof. Madya Ir. Dr. Sheila Belayutham (Ketua Akreditasi Program Sains dan Teknologi), Ts. Linda Abd Hamid (Ketua Akreditasi Program Sains Sosial dan Kemanusiaan) dan Cik Noor Azwani Asyikin Samad (Penolong Pendaftar AQA).

Antara slot sesi perbincangan yang telah dijalankan bagi tempoh Mei – Julai 2025 adalah seperti berikut:

Bil	Bahagian/Fakulti/Kampus	Tarikh
1	Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) dan Jabatan Akademik dan Antarabangsa (JAnA)	22 Mei 2025
2	Fakulti Pergigian	27 Mei 2025
3	Fakulti Sains Komputer dan Matematik dan Jabatan Akademik dan Antarabangsa (JAnA)	13 Jun 2025
4	Fakulti Sains Gunaan - Bilik Mesyuarat InQKA	17 Jun 2025
5	Bahagian Hal Ehwal Kurikulum	24 Jun 2025
6	Fakulti Sains Gunaan - Bilik Mesyuarat InQKA	2 Julai 2025
7	Jabatan Akademik dan Antarabangsa (JAnA) - Bilik Mesyuarat InQKA	10 Julai 2025
8	Bahagian Hal Ehwal Kurikulum dan Fakulti Sains Gunaan	11 Julai 2025
9	Team Sistem i-Accredit, Jabatan Digital - Bilik Mesyuarat InQKA	16 Julai 2025
10	Jabatan Akademik dan Antarabangsa (JAnA) dan Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) - Bilik Mesyuarat InQKA	24 Julai 2025
11	UiTM Cawangan Perlis	28 Julai 2025



Sesi perbincangan yang telah dilaksanakan telah membuka ruang dialog yang konstruktif antara InQKA dan Pusat Tanggungjawab (PTj), sekali gus menghasilkan beberapa penemuan serta cadangan penambahbaikan yang signifikan. Antara hasil utama perbincangan termasuklah penyeragaman proses kerja akreditasi merentas lokasi dan mod pelaksanaan program bagi memastikan keseragaman amalan dan kepatuhan terhadap keperluan akreditasi.

Selain itu, penyelarasan peranan dan tanggungjawab antara fakulti, ICEPS dan JAnA dalam aspek permohonan serta pelaksanaan program turut diberi perhatian bagi mengelakkan pertindihan fungsi dan memastikan kelancaran proses. Perbincangan juga telah berjaya meningkatkan kefahaman warga fakulti berhubung garis panduan akreditasi penuh dan pembaharuan, khususnya bagi program-program profesional yang melibatkan badan akreditasi luar.

Dari aspek dokumentasi, komunikasi yang lebih berkesan dengan badan profesional serta penyediaan dokumen yang tepat pada masa ditekankan sebagai elemen penting dalam menjamin kelulusan akreditasi. Ke arah pengurusan maklumat yang lebih efisien, penggunaan sistem dokumentasi digital (*Sistem i-Accredit*) yang lebih sistematik dan mesra pengguna turut dicadangkan bagi tujuan pemantauan status permohonan akreditasi secara berpusat.

Tambahan pula, perbincangan turut memberi penekanan kepada aspek pematuan terhadap keperluan semasa, khususnya berkaitan struktur kurikulum, kaedah pelaksanaan program serta pengurusan pelajar secara menyeluruh. Turut dibincangkan ialah keperluan untuk meneliti semula kelayakan program yang ditawarkan, mempertimbangkan kesesuaian mod pengajian, serta cadangan penambahbaikan dari segi struktur organisasi di peringkat fakulti bagi menyokong kelancaran dan kecekapan pengurusan proses berkaitan kualiti dan akreditasi.

Siri perbincangan ini membuktikan kesediaan semua pihak dalam memperkukuh proses jaminan kualiti dan mendepani cabaran pelaksanaan program akademik dengan lebih cekap dan berkesan.

AQA InQKA komited untuk terus menjadi pemudah cara, pemantau serta pemacu utama dalam menyokong agenda kecemerlangan akademik universiti, melalui pendekatan yang inklusif, strategik dan kolaboratif bersama semua pemegang taruh UiTM.



KUALITI

Edisi Januari – Jun 2025

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Kompleks Al-Farabi, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450, Shah Alam, Selangor



لوسيا. تقوى. موليا

 <https://inqka.uitm.edu.my>  @inqka  @inqkautm  @InQKAUITM  InQKA UITM  @inqkautm6101  @inqka_uitm

eISSN 2976-2596



9 772 976 259 003